



## Masa Lapang Mengembara di Bukit Gemok

**S**ediakan kasut pengembaraan anda dan bersiaplah untuk menjelajah hutan Bukit Gemok di Tawau yang belum disentuh. Terletak 10 km dari pusat bandar, Bukit Gemok kebelakangan ini menjadi tempat popular dalam kalangan peminat mendaki dan pelari-pelari rentas desa yang gemarkan cabaran laluan yang lasak. Bukit Gemok terletak kira-kira 428 meter dari paras laut dan merupakan sebahagian daripada Hutan Simpan Bukit Gemok, meliputi 445 hektar.

Pendakian bermula dengan laluan mudah menggunakan tangga konkrit yang akhirnya 'hilang' dan memberi laluan kepada tapak semula jadi. Perjalanan mendaki agak mencabar, terutama sekali buat mereka yang masih baharu. Awasi batu-batuan, akar-akar pokok yang membongol dan benda-benda lain yang serupa. Ada bahagian yang curam dan ada yang lebih sukar, tetapi persekitarannya yang indah membuatkan semua itu berbaloi.

Dalam perjalanan, terlalu banyak yang boleh dikagumi, seperti pokok gergasi yang tinggi yang seakan-akan mencecah awan dan makhluk-makhluk yang jarang ditemui. Ada tujuh pondok sepanjang perjalanan untuk pejalan berehat dan bersantai. Selepas mendaki lebih kurang

sejam (bergantung kepada tahap kecergasan anda), anda akan tiba di kanopi titian selera. Dengan kepanjangan 231 meter, ia dianggap antara titian kanopi terpanjang di Sabah. 'Pergelutan' anda untuk sampai ke puncak akan berbaloi sebaik anda melihat sekilas pemandangan indah Tawau dari puncak bukit. Pemandangan menakjubkan anda ini termasuklah pusat bandar, tepian pantai dan kawasan sekitarnya. Perjalanan menuruni Bukit Gemok seharusnya mengambil masa lebih pendek, tetapi perlu diingatkan bahawa laluan menjadi lebih berlumpur dan licin ketika musim hujan. Jadi anda perlu lebih berwaspada.

Hutan simpan ini dibangunkan pada awal 1990 an dan kini dilengkapi dengan kemudahan asas seperti bilik mandi dan pondok rehat di sepanjang laluan. Sebarang kenderaan darat boleh digunakan untuk sampai ke Bukit Gemok. Cuma pastikan anda berpakaian selesa, minum banyak air dan bersedia untuk mengharungi pemandangan cantik yang menghijau sepanjang laluan Bukit Gemok.

**Untuk maklumat lanjut, hubungi Pejabat Perhutanan Daerah Tawau di: 089-761883/761835/761863 atau Pegawai Perhutanan En. Miskon Simin di talian 089-770604.**



## Restoran Alu Alu di Gayana Eco Resort

**A**pa kata singgah ke sebuah pulau yang terletak berdekatan pantai Bandar raya untuk menikmati Amakanan laut yang segar? Pulau Gaya hanya 10 minit dari Bandar raya, dan terletak di perairan tenang Teluk Malohom ialah Gayana Eco Resort. Restorannya yang baru dibuka iaitu Alu-Alu, menempatkan pelbagai makanan laut hidup untuk ditangkap dan dimasak untuk pengunjung yang memilih untuk makan menghadap Laut China Selatan! Di Alu-Alu Over Water Live Seafood Restaurant, makanannya dimasak dengan sentuhan Asia. Chef akan mengesyorkan agar memilih ikan batu karang hidup yang dikukus dan dihidangkan dengan gaya Kantonis atau goreng ketam 'Kam Heong' (jika diterjemahkan bermaksud emas dan wangi) dan inilah cara terbaik untuk menikmati makanan laut terbaik di Sabah. Datanglah untuk makan tengah hari dan nikmati pemandangan lautan biru atau makan malam berlatarkan pemandangan matahari terbenam, pada tempat yang boleh memuatkan sehingga 200 orang. Restoran Alu-Alu adalah lokasi sesuai untuk keluar petang bersama rakan-rakan atau membelanja rakan-rakan makan tengah hari. Makan di Alu-Alu ini memerlukan pembelian pakej yang termasuklah bot pengangkutan pulang, kredit restoran, bayaran cukai dan perkhidmatan. Dan ketika berada di sana, kenapa tidak kunjungi Pusat Kajian Ekologi Marin. Di sana anda boleh melihat banyak hidupan laut yang dipamerkan di akuarium mereka!

**Untuk tempahan dan maklumat lanjut, hubungi pasukan tempahan mereka di talian 088-380390 atau emel [reservations@gayana-eco-resort.com](mailto:reservations@gayana-eco-resort.com)**

### EVERYONE CAN NOW FISH

*The choice is yours!*

**Fish n Classic**  
(04-hour fishing with snorkeling and lunch)

**Fish n Extraordinary**  
(03-hour fishing with refreshments and watch that extraordinary sunsets casting its golden rays over the horizon)

**Fish n Deep Sea Challenge**  
(full day fishing with lunch and refreshments)

All packages are inclusive of:

- Return boat transfers
- Fishing guides, fully-equipped fishing equipment and necessities
- Life jackets
- Return hotel transfer
- Terms & Conditions Apply

**For further information, kindly contact our Tour Desk Counter**

Shangri-La's Tanjung Aru Resort  
Tel: 6 088 215 800 Ext. 8698 / 6 088 318 208

The Regency Suteru (Suteru Harbour Resort)  
Tel: 6 088 312 222 Ext. 8733 / 6 088 266 708

Head Office : **INNO TRAVEL & TOUR SERVICES SDN BHD (SABAH HOLIDAY)**  
 Lot G31-G32, Ground Floor, Wisma Sabah, 88828, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia  
 Telephone: +6088 212706 (3 lines) Fax: +6088 223131, 221751  
 Email: [inn@sabahholidays.com](mailto:inn@sabahholidays.com)